# BUKU PANDUAN
# STAF

LEARNING NEVER STOPS

APEL.A

ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING

************************************************************************************

## DISEDIAKAN OLEH:

Ir. Dr Norazzlina M.Sa'don

Dr Mohamad Fizl Sidq Ramji

Prof Madya Ts. Dr Rohana Sapawi

Dr Farah Akmal Idrus

************************************************************************************

## *DISCLAMER*

Buku Panduan APEL.A ini ditulis berdasarkan rujukan-rujukan yang disediakan oleh pihak MQA mengenail APEL.A. Sekiranya ada percanggahan maklumat di dalam Buku Panduan APEL.A ini sila rujuk dokumen asal MQA.
https://www2.mqa.gov.my/portalapela/penerbitanapel.cfm

************************************************************************************

**KOMEN DAN PEMBETULAN KEPADA:**

Pusat Penilaian APEL (PLACe) UNIMAS/
Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA)
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
94300 Kota Samarahan, Sarawak
Tel: +6082-582417
Email: place@unimas.my

# GLOSARI

| | |
|---|---|
| **APEL** | Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahuluadalah satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap, untuk menentukan tahap seseorang individu mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, bagi mengakses sesuatu program pengajian. |
| **PEMBELAJARAN FORMAL** | Pembelajaran yang disengajakan/program pengajian yang disampaikan dalam satu konteks yang terancang dan berstruktur (pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej teknikal dan universiti) yang boleh membawa kepada penganugerahan formal/kelayakan yang diiktiraf |
| **PEMBELAJARAN TIDAK FORMAL** | Pembelajaran secara berterusan sepanjang hidup serta pengalaman kerja (juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman). Ia biasanya pembelajaran yang diperolehi secara tidak disengajakan |
| **PEMBELAJARAN BUKAN FORMAL** | Pembelajaran yang selari dengan sistem pendidikan dan latihan arus perdana. Ianya boleh dinilai tetapi lazimnya tidak akan membawa kepada pensijilan yang formal. |
| **PEMBELAJARAN TERBUKA** | Pembelajaran terbuka mewakili pendekatan-pendekatan yang memfokuskan kepada akses terbuka kepada pendidikan dan latihan, membebaskan para pelajar daripada kekangan masa<br><br>dan tempat, serta menawarkan peluang pembelajaran yang fleksibel kepada individu ataupun kumpulan pelajar |
| **PLACe** | Pusat Penilaian APEL UNIMAS atau juga dikenali sebagai Prior Learning Assessment Centre (PLACe). PLACe diuruskan oleh Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA) yang bertanggungjawab untuk memelihara budaya kecemerlangan semua program yang dilaksanakan di UNIMAS termasuk penggunaan mekanisme APEL mengikut keperluan pendidikan masa kini. Pengurusan APEL terletak di bawah Unit Pembangunan dan Inovasi Kurikulum. |

# KANDUNGAN


**1. PENGENALAN**
- 1.1 Pengenalan APEL.A 1
- 1.2 Pusat Penilaian APEL UNIMAS (PLACe) 2

**2. KOMPETENSI CALON APEL.A** 3

**3. KEMASUKAN KE PROGRAM PERINGKAT SIJIL (T-3), DIPLOMA (T-4), IJAZAH SARJANA MUDA (T-6) DAN IJAZAH SARJANA (T-7)**
- 3.1 Pematuhan Syarat Asas Permohonan 4

**4. PROSES PERMOHONAN DAN PENSIJILAN APEL.A**
- 4.1 Carta Alir Proses 5
- 4.2 Pra-Penilaian: Penilaian Kendiri 5
- 4.3 Proses Permohonan 5
- 4.4 Proses Penilaian 13
- 4.5 Keputusan Penilaian Dan Pengeluaran Sijil Perakuan APEL 17
- 4.7 Pasca-Penilaian 17

**5. KADAR BAYARAN PENILAIAN APEL T-3 (SIJIL), T-4 (DIPLOMA), T-6 (IJAZAH SARJANA MUDA) DAN APEL T-7 (IJAZAH SARJANA)**
- 5.1 Kadar bayaran yang ditetapkan oleh MQA 19
- 5.2 Caj pengeluaran sijil bagi calon APEL.A T-3, T-4, T-6 dan T-7 19

**6. PANEL PENILAI DAN MODERATOR** 21

**7. KEMASUKAN CALON LULUSAN SIJIL APEL.A KE PROGRAM AKADEMIK UNIMAS** 24

**8. KEMASUKAN PELAJAR KE PROGRAM AKADEMIK MELALUI BADAN PROFESIONAL** 25

**9. POLISI UNIVERSITI** 26

**10. HUBUNGI KAMI** 28

**11. RUJUKAN** 29

**LAMPIRAN**

Lampiran A1- FORMAT PORTFOLIO T3-T7
Lampiran A2 - Rubrik Portfolio T-3 dan T-4
Lampiran A3 - Rubrik Portfolio T-6
Lampiran A4 - Rubrik Portfolio T-7
Lampiran A5 – APEL T-3 & T4 (Keputusan Keseluruhan)
Lampiran A6 – APEL T-6 (Keputusan Keseluruhan)
Lampiran A7 – APEL T-7 (Keputusan Keseluruhan)
Portal APEL 2.0: Soalan Lazim Berkenaan APEL.A

# 1. PENGENALAN

## 1.1 Pengenalan APEL.A

- APEL.A diperkenalkan bagi tujuan memberi peluang dan akses kepada individu yang mempunyai pengalaman pembelajaran terdahulu tetapi kurang kelayakan atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pengajian di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).

- Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) menerusi Akta Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) 2007 (Akta 679) telah memberikan komitmen untuk mengiktiraf pembelajaran terdahulu melalui proses verifikasi pencapaian seseorang individu bagi satu set hasil pembelajaran yang diperoleh melalui pembelajaran formal, bukan formal dan tidak formal yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran.

- APEL.A akan membolehkan individu maju dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat, seterusnya meluaskan mobiliti pelajar dan penyertaan pelajar dewasa dalam pendidikan tinggi. Pensijilan APEL.A merupakan indikasi kompetensi dan kesediaan pemohon untuk melanjutkan pelajaran di PPT pilihan. Namun begitu, sijil ini tidak menjamin calon diterima masuk di PPT kerana pemohon masih tertakluk kepada syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh PPT dan sijil ini juga tidak boleh digunakan untuk memohon pekerjaan.

- Penilaian APEL.A mempunyai **EMPAT** tahap kemasukan ke program akademik PPT iaitu:



## 1.2 Pusat Penilaian APEL UNIMAS (PLACe)

Pusat Penilaian APEL UNIMAS atau juga dikenali sebagai *Prior Learning Assessment Centre* (PLACe) diketuai oleh Ketua PLACe. Ketua PLACe dibantu oleh Pentadbir APEL, Penyelaras APEL dan Ketua Penilai (Instrumen) serta Penasihat APEL, Penilai (pakar bidang) dan Moderator. Carta Organisasi PLACe boleh dirujuk pada Rajah 1.1.

PLACe diuruskan oleh Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA) yang bertanggungjawab untuk memelihara budaya kecemerlangan semua program yang dilaksanakan di UNIMAS termasuk penggunaan mekanisme APEL mengikut keperluan pendidikan masa kini. Justeru itu, pengurusan APEL terletak di bawah Unit Pembangunan dan Inovasi Kurikulum dan adalah antara tugas penting Timbalan Pengarah II PPPA. Rajah 1.2 menerangkan objektif dan fungsi PLACe dalam memastikan pelaksanaan penilaiain APEL mengikut garis panduan MQA.




**Rajah 1.1** Carta Organisasi PPA UNIMAS@PLACe




**Rajah 1.2** Objektif dan Fungsi PLACe

## 2. KOMPETENSI CALON APEL.A

Kecekapan yang diperlukan untuk penilaian APEL.A adalah berdasarkan kluster MQF bagi hasil pembelajaran. Oleh itu, penilaian APEL.A yang dijalankan adalah bersesuaian dengan penilaian APEL.A yang dikendalikan oleh MQA. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa pemohon mempunyai kecekapan kompetensi seperti yang disenaraikan dibawah:

i. Pengetahuan dan kefahaman

ii. Kemahiran kognitif

iii. Kemahiran kerja fungsional dengan tumpuan kepada:

   a. Kemahiran praktikal

   b. Kemahiran interpersonal dan komunikasi

   c. Kemahiran digital dan numerasi

   d. Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab

iv. Kemahiran peribadi dan keusahawanan

v. Etika dan profesionalisme.




**Rajah 3.**1 Ringkasan kluster MQF bagi hasil pembelajaran (Sumber: MQA)

# 3. KEMASUKAN KE PROGRAM PERINGKAT SIJIL (T-3), DIPLOMA (T-4), IJAZAH SARJANA MUDA (T-6) DAN IJAZAH SARJANA (T-7)

## 3.1 Pematuhan Syarat Asas Permohonan

Syarat asas yang perlu dipatuhi oleh pemohon bagi setiap peringkat kemasukan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah seperti berikut:

a) Kemasukkan ke **Program Peringkat Sijil/Diploma/Sarjana Muda**

| BIL. | SYARAT ASAS | DOKUMEN |
|---|---|---|
| 1. | Pemohon adalah **warganegara Malaysia** | Salinan MyKad yang telah disahkan |
| 2. | Pemohon berumur:<br>• Peringkat Sijil: **sekurang-kurangnya 19 tahun semasa** permohonan<br>• Peringkat Diploma: **sekurang-kurangnya 20 tahun semasa** permohonan<br>• Peringkat Ijazah Sarjana Muda: **sekurang-kurangnya 21 tahun semasa** permohonan | |
| 3. | Pemohon mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan | |

b) Kemasukkan ke **Program Peringkat Sarjana**

| BIL. | SYARAT ASAS | DOKUMEN |
|---|---|---|
| 1. | Pemohon adalah **warganegara Malaysia** | Salinan MyKad yang telah disahkan |
| 2. | Pemohon berumur **sekurang-kurangnya 30 tahun ke atas semasa** permohonan | |
| 3. | Pemohon mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya STPM/Diploma/setara | Salinan sijil akademik berkaitan berserta transkrip yang telah disahkan |
| 4. | Pemohon mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan | |

**Syarat 1-3 perlu dipenuhi oleh pemohon sebelum sebarang proses penilaian dimulakan. Jika pemohon memenuhi ketiga-tiga syarat asas, pemohon boleh meneruskan proses penilaian.

c) Kemasukkan ke **Program Peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana bagi Golongan Ekspatriat dan Ahli Keluarga (Bukan Warganegara)**

| BIL. | SYARAT ASAS | DOKUMEN |
|---|---|---|
| 1. | Pas Pekerjaan/Pas ekspatriat daripada syarikat pemohon bekerja | Salinan Pas Ekspatriat yang telah disahkan |
| 2. | Syarat umur ikut tahap permohonan:<br>• Peringkat Ijazah Sarjana Muda**: sekurang-kurangnya 21 tahun semasa** permohonan<br>• Peringkat Sarjana: **sekurang-kurangnya 30 tahun ke atas semasa** permohonan | |
| 3. | Pemohon mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan | |

# 4. PROSES PERMOHONAN DAN PENSIJILAN APEL.A

Persijilan APEL.A menentukan kelayakan pemohon untuk memohon kemasukan ke peringkat sarjana. melalui kerja kursus dan mod campuran, program sarjana muda, diploma atau sijil. Tempoh penilaian APEL.A dianggarkan mengambil masa selama dua (2) hingga empat (4) bulan, maka pemohon adalah dinasihatkan untuk memohon pensijilan APEL.A enam (6) bulan sebelum tarikh kemasukan ke PPT pilihan.

## 4.1 Carta Alir Proses

Carta alir proses permohonan dan pensijilan APEL.A bagi setiap tahap APEL T-3 (Sijil), APEL T-4 (Diploma), APEL T-6 (Ijazah Sarjana Muda) dan APEL T-7 (Ijazah Sarjana) adalah seperti didalam Rajah 4.1, Rajah 4.2, Rajah 4.3 dan Rajah 4.4.

## 4.2 Pra-Penilaian: Penilaian Kendiri

Dalam membuat keputusan sama ada untuk menjalankan penilaian APEL.A atau tidak, pemohon perlu mempertimbangkan hakikat bahawa ia adalah proses yang sangat memerlukan kemahiran individu seperti motivasi diri refleksi dan pengurusan masa. Pemohon hendaklah terlebih dahulu memastikan syarat kemasukan asas yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan (rujuk Bahagian 3.1: Pematuhan Syarat Asas Permohonan) dipenuhi.

Selain daripada menjadi rakyat Malaysia / ekspatriat yang bekerja di Malaysia / ahli keluarga ekspatriat serta memenuhi syarat umur dan kelayakan akademik (hanya peringkat ijazah Sarjana kemasukan memerlukan kelayakan akademik), pemohon juga mesti menilai kerelevanan perkara terdahulu mereka iaitu pengalaman pembelajaran sama ada terdapat padanan antara pengalaman terdahulu atau sijil pembelajaran mereka dan kompetensi yang ditetapkan dalam Bahagian 2: Kompetensi Pelajar.

## 4.3 Proses Permohonan

Setiap pemohon terlebih dahulu perlu melengkapkan Borang Permohonan APEL.A-MQA pada Portal APEL MQA seperti link berikut (rujuk Rajah 4.1(a)):

https://www2.mqa.gov.my/apel_a/

dan memilih Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai Pusat Penilaian APEL (PPA). Seterusnya, pemohon akan menerima email notifikasi daripada MQA untuk mendaftar permohonan baharu di laman sesawang PPA yang dipilih.

Pemohon yang memilih untuk mendaftar di portal APEL UNIMAS, PLACe, boleh membuat permohonan secara dalam talian di pautan berikut:

https://apela.ia.unimas.my

Rajah 4.5 merupakan paparan muka utama portal permohonan APEL.A dan mengisi maklumat dengan tepat dan lengkap.




**Rajah 4.1** Carta alir proses penilaian peringkat sijil APEL T-3




**Rajah 4.2** Carta alir proses penilaian peringkat diploma APEL T-4




**Nota:**

- Semak kelayakan berdasarkan syarat kemasukkan mengikut GGP-APEL.
- Setiap pemohon terlebih dahulu perlu melengkapkan Borang Permohonan APEL.A-MQA pada Portal APEL MQA seperti link berikut: https://www2.mqa.gov.my/apel_a/ dan memilih Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai Pusat Penilaian APEL (PPA).
- Email notifikasi MQA untuk daftar permohonan baharu di laman web Pusat Penilaian APEL, (PLACe) UNIMAS.

- FI APEL (Warganegara): RM 370
  - Ujian Aptitud (RM200) + Portfolio (RM80) + Temuduga (RM75) + Pengurusan Bahan Penilaian (RM15)
- Fi APEL (Bukan Warganegara/Ekspatriat): USD750
- Bayaran melalui UBS UNIMAS via online transfer/counter

Calon akan terima notifikasi e-mel:

- Pendaftaran telah berjaya
- Pembayaran yuran
- Penjadualan tarikh penilaian

*Nota*:

- Calon akan terima notifikasi email: keputusan penilaian: **BERJAYA/GAGAL**
- Portfolio boleh disediakan dalam **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**
- Fi Proses tidak dikenakan untuk calon ulangan

- **Keputusan penilaian keseluruhan tertakluk kepada keputusan pengeluaran Sijil APEL.A oleh MQA**
- **Caj pengeluaran sijil:**
  **(a) Warganegara (RM20) &**
  **(b) Bukan Warganegara (USD40)**

**PERINGATAN:** Pemohon dinasihatkan memohon APEL.A sekurang-kurangnya **ENAM (6)** bulan sebelum tarikh kemasukanke program akademik UNIMAS.

**Rajah 4.3** Carta alir peringkat Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6)




**Nota:**

- Semak kelayakan berdasarkan syarat kemasukkan mengikut GGP-APEL.
- Setiap pemohon terlebih dahulu perlu melengkapkan Borang Permohonan APEL.A-MQA pada Portal APEL MQA seperti link berikut: **https://www2.mqa.gov.my/apel_a/** dan memilih Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai Pusat Penilaian APEL (PPA).
- Email notifikasi MQA untuk daftar permohonan baharu di laman web Pusat Penilaian APEL, (PLACe) UNIMAS.

- FI APEL (Warganegara): RM 370
  - Ujian Aptitud (RM200) + Portfolio (RM80) + Temuduga (RM75) + Pengurusan Bahan Penilaian (RM15)
- Fi APEL (Bukan Warganegara/Ekspatriat): USD750
- Bayaran melalui UBS UNIMAS via online transfer/counter

#Calon akan terima notifikasi e-mel:

- Pendaftaran telah berjaya
- Pembayaran yuran
- Penjadualan tarikh penilaian

***Nota*:**

- **Portfolio disediakan dalam Bahasa Inggeris**
- **Calon akan terima notifikasi email: Keputusan penilaian: BERJAYA/GAGAL**

- **Keputusan penilaian keseluruhan tertakluk kepada keputusan pengeluaran Sijil APEL.A oleh MQA**
- **Caj pengeluaran sijil:**
  **(a) Warganegara (RM20) &**
  **(b) Bukan Warganegara (USD40)**

**PERINGATAN:** Pemohon dinasihatkan memohon APEL.A sekurang-kurangnya **ENAM (6)** bulan sebelum tarikh kemasukanke program akademik UNIMAS.

**Rajah 4.4** Carta alir peringkat Ijazah Sarjana (APEL T-7)




(a) Portal APEL MQA




(b) Portal APEL UNIMAS (PLACe)

**Rajah 4.5** Portal Permohoan APEL.A – Muka utama (*Login* page)

Seterusnya, yuran taksiran APEL.A, dalam bentuk bank draf atau pemindahan secara atas talian boleh dibuat melalui pembayaran kepada UNIMAS Business School (UBS). Jadual 4.1 menunjukkan perincian maklumat kaedah pembayaran yuran APEL.A. Pihak UBS akan menghubungi pemohon selepas penerimaan pembayaran dan tarikh serta lokasi untuk Ujian Aptitud akan ditetapkan.

**Jadual 4.1 Perincian pembayaran yuran penilaian APEL.A**

| Bil. | Maklumat Pembayaran |
|---|---|
| (a) | Serahan Kaunter UNIMAS Business School (UBS) |
| (b) | Pemindahan secara atas talian<br>*Account Name*: Unimas Edu Sdn.Bhd.<br>*Bank Name*: Maybank Islamic Berhad<br>*Bank Address*: No.65 67, Lot 3179-3181, Block 10, Jalan Laksamana Cheng Ho,93200 Kuching, Sarawak.<br>*Account No.*: 561239608898<br>*Types of Account*: Current Account<br>*Swift Code*: MBISMYKL |

Rajah 4.6 menunjukkan paparan maklumat yang perlu diisi calon melalui borang ke dalam sistem Modul APEL.A. Seterusnya, maklumat program yang dipohon (cth; APEL T-3) perlu dipilih (Rajah 4.7). Status permohonan calon akan ditunjukkan sama ada "*pending*", "*rejected*" atau "*successful*" (Rajah 4.8). Ringkasan maklumat calon akan dijana secara automatik setelah permohonan dihantar ke PLACe (Rajah 4.9).




**Rajah 4.6** Modul APEL.A – Calon mengisi borang ke dalam sistem




**Rajah 4.7** Modul APEL.A – Maklumat program yang dipohon




**Rajah 4.8** Modul APEL.A – Status permohonan calon




**Rajah 4.9** Modul APEL.A – Contoh ringkasan maklumat calon dijana secara automatik setelah permohonan dihantar ke PLACe

## 4.4 Proses Penilaian

4.4.1 Program Peringkat Sijil (APEL T-3) Dan Diploma (APEL T-4)

Ujian Aptitud

Ujian Aptitud adalah satu peperiksaan formal yang pemohon wajib lulus. **Calon haruslah memperolehi markah sekurang-kurangnya 50% untuk lulus keseluruhan penilaian APEL.A T-3/APEL.A T-4**. Tujuan Ujian Aptitud adalah untuk menilai kompetensi dan kesediaan pemohon mengikuti pembelajaran di peringkat Sijil/Diploma.

Aspek penilaian yang akan diuji merangkumi pengetahuan dalam Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Pengetahuan Am/Pemikiran Kritis. Penyediaan soalan berdasarkan ketetapan seperti jadual di bawah:

| Tahap Kelayakan Masuk | Aspek Penilaian | Jumlah Soalan | Tahap Kompetensi | Tempoh Masa |
|---|---|---|---|---|
| Sijil (APEL T-3)<br>Diploma (APEL T-4) | Matematik | 10-15 | T-3: Antara UPSR dan PMR<br>T-4: PMR atau yang setara | 2 jam |
| | Bahasa Malaysia | | | |
| | Bahasa Inggeris | | | |
| | Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis | | | |

*Calon mestilah memperoleh markah **50% dari Ujian Aptitud untuk lulus.**

Portfolio

Komponen penilaian kedua ialah mengemukakan portfolio. Portfolio merupakan satu dokumentasi kompilasi pengalaman terdahulu sebagai bukti pemohon mempunyai pengalaman pembelajaran terdahulu. Pemohon perlu menyediakan portfolio **dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**.

PLACe akan menasihatkan pemohon untuk memilih bukti yang ingin dikemukakan mengikut keutamaan dan kesesuaian dengan bidang yang dipohon. Bagi pembelajaran bersijil, pemohon perlu sertakan salinan sijil atau dokumentasi yang telah disahkan. Bagi pembelajaran berasaskan pengalaman, pemohon boleh mengemukakan bukti dalam bentuk testimoni dari majikan/pelanggan/rakan sekerja, senarai tugasan dan lain-lain.

**Portfolio APEL.A** bagi tujuan kemasukan ke peringkat Sijil/Diploma haruslah dibuat penilaian dan pengesahan secara dalaman dengan menggunakan borang semakan yang ditetapkan oleh MQA. Calon mestilah memperoleh markah **sekurang-kurangnya 50% untuk lulus Portfolio sebelum dibenarkan menduduki Ujian Aptitud**. Namun, penilaian portfolio tidak membawa sebarang pemberat untuk membolehkan calon lulus keseluruhan penilaian APEL.A T - 3/APEL.A T - 4.

4.4.2 *Kemasukan Ke Program Peringkat Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6)*

Ujian Aptitud

Ujian Aptitud adalah satu peperiksaan formal yang pemohon wajib lulus dan membawa pemberat sebanyak **30% daripada keseluruhan penilaian APEL.A T- 6**. Tujuan Ujian Aptitud adalah untuk menilai kompetensi dan kesediaan pemohon mengikuti pembelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Aspek penilaian yang akan diuji merangkumi pengetahuan dalam Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Pengetahuan Am/Pemikiran Kritis. Penyediaan soalan berdasarkan ketetapan seperti jadual di bawah:

| Tahap Kelayakan Masuk | Aspek Penilaian | Jumlah Soalan | Tahap Kompetensi | Tempoh Masa |
|---|---|---|---|---|
| Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6) | Matematik | 10-15 | SPM dan setara | 2 jam |
| | Bahasa Malaysia | | | |
| | Bahasa Inggeris | | | |
| | Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis | | | |

*Nota: Calon mestilah memperoleh markah **50% dari Ujian Aptitud untuk lulus sebelum meneruskan penilaian Portfolio.**

Portfolio

Komponen penilaian kedua yang pemohon wajib lulus ialah penilaian Portfolio. Portfolio merupakan satu dokumen kompilasi pengalaman terdahulu termasuklah pembelajaran formal, tidak formal dan bukan formal. Pemohon perlu menyediakan Portfolio mengikut format yang ditetapkan dan **ia boleh disediakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**.

PLACe akan menasihatkan pemohon untuk memilih bukti yang ingin dikemukakan mengikut keutamaan dan kesesuaian dengan bidang yang dipohon. Bagi pembelajaran bersijil, pemohon perlu sertakan salinan sijil atau dokumentasi yang telah disahkan. Bagi pembelajaran berasaskan pengalaman, pemohon boleh mengemukakan bukti dalam bentuk testimoni dari majikan/pelanggan/rakan sekerja, senarai tugasan dan lain-lain.

Portfolio APEL.A bagi tujuan kemasukan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda membawa pemberat penilaian sebanyak **70% daripada keseluruhan penilaian APEL.A T-6**. Semakan portfolio haruslah dibuat oleh **sekurang-kurangnya 2 orang panel** yang telah dilantik dan dilatih tentang instrumen penilaian. Penilaian harus dibuat dengan menggunakan *worksheet* dan rubrik penilaian yang ditetapkan oleh MQA. Penilai ketiga akan dilantik sekiranya jurang markah antara keputusan dua orang penilai melebihi 10% secara keseluruhan. Keputusan akhir adalah berdasarkan kepada purata markah keputusan ketiga-tiga penilai tersebut. Calon mestilah memperoleh markah **sekurang-kurangnya 50% untuk lulus Portfolio**.

4.4.3 *Kemasukan Ke Program Peringkat Ijazah Sarjana (APEL T- 7)* Secara Kerja Kursus dan Mod Campuran

Ujian Aptitud

Ujian Aptitud bagi tujuan kemasukan ke program Ijazah Sarjana merupakan penilaian pertama yang pemohon wajib lulus. Ia membawa pemberat sebanyak **40% daripada keseluruhan penilaian APEL.A T-7**. Tujuan Ujian Aptitud adalah untuk menilai kompetensi dan kesediaan pemohon mengikuti pembelajaran di peringkat ijazah sarjana.

Aspek penilaian yang akan diuji merangkumi pengetahuan dalam Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Pengetahuan Am/Pemikiran Kritis. PLACe membina soalan adalah berdasarkan ketetapan seperti Jadual 4.2:

**Jadual 4.2: Tempoh Ujian Aptitud: 2 jam 30 min**
**Tahap Kesukaran: Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF)**

| ASPEK PENILAIAN | TOPIK | DESKRIPSI SOALAN |
|---|---|---|
| **Matematik** | • Asas matematik<br>• Algebra Asas<br>• Penyelesaian masalah | **Bahagian A**:<br>Soalan Objektif - 25 soalan<br>**Bahagian B**:<br>Soalan Struktur - 1 soalan |
| **Bahasa Inggeris** | • Bacaan & Pemahaman<br>• Tatabahasa & Prosa kata<br>• Ejaan<br>• Perbendaharaan kata<br>• Pembetulan kesalahan | **Bahagian A**:<br>Soalan Objektif - 12 soalan<br>**Bahagian B**:<br>Soalan Struktur - 1 soalan |
| **Bahasa Malaysia** | • Bacaan & Pemahaman<br>• Tatabahasa & Prosa kata<br>• Ejaan<br>• Perbendaharaan kata<br>• Pembetulan kesalahan | **Bahagian A**:<br>Soalan Objektif - 13 soalan<br>**Bahagian B**:<br>Soalan Struktur - 1 soalan |
| **Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis** | • Penaakulan Logik<br>• Kemahiran Pengelasan<br>• Pengecaman Pola | **Bahagian A**:<br>Soalan Objektif - 25 soalan<br>**Bahagian B**:<br>Soalan Struktur - 2 soalan |

Portfolio

Setelah lulus Ujian Aptitud, pemohon perlu menyediakan portfolio. Pemohon perlu menyediakan portfolio mengikut format yang ditetapkan dan **ia perlu disediakan dalam Bahasa Inggeris**. Portfolio adalah komponen penilaian kedua yang pemohon wajib lulus.

PLACe akan menasihatkan pemohon untuk memilih bukti yang ingin dikemukakan mengikut keutamaan dan kesesuaian dengan bidang yang dipohon. Bagi pembelajaran bersijil, pemohon perlu sertakan salinan sijil atau dokumentasi yang telah disahkan. Bagi pembelajaran berasaskan pengalaman, pemohon boleh mengemukakan bukti dalam bentuk testimoni dari majikan/pelanggan/rakan sekerja, senarai tugasan dan lain-lain.

Portfolio membawa pemberat penilaian sebanyak **50% daripada keseluruhan penilaian APEL.A T-7**. Semakan portfolio dibuat oleh sekurang-kurangnya 2 orang panel yang telah dilantik dan dilatih tentang instrumen penilaian dan salah seorang daripadanya harusnya dari pakar bidang berkaitan. Penilaian harus dibuat dengan menggunakan *worksheet* dan rubrik penilaian yang ditetapkan oleh MQA.

<u>Temuduga</u>

Penilaian terakhir yang pemohon wajib lulus adalah temuduga setelah portfolio dinilai dan lulus. Ia **membawa pemberat sebanyak 10%** dari keseluruhan penilaian APEL T-7. Pada amnya tujuan sesi temu duga adalah untuk mengesahkan bukti yang disertakan dalam portfolio serta memberi ruang kepada pemohon untuk menerangkan dengan lebih terperinci nilai pembelajaran yang diperoleh serta menunjukkan salinan asal sijil pemohon semasa temuduga dijalankan. Bagi sesi temuduga, 2 orang panel temuduga perlu menggunakan garis panduan pemarkahan sesi temu duga yang telah ditetapkan oleh MQA.

4.4.5 *Penilaian APEL.A Bagi Golongan Ekspatriat (Bukan Warganegara)*

Format instrumen penilaian komponen temuduga (bagi tahap Sarjana sahaja) dan komponen portfolio dikekalkan, manakala format instrumen penilaian bagi komponen Ujian Aptitud pula dibuat sedikit pindaan bagi disesuaikan kepada golongan ekspatriat dan ahli keluarga seperti berikut:

| ASPEK PENILAIAN | KOMPONEN | PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|---|
| **Matematik** | ***A. Numerical Literacy***<br>• Asas Matematik<br>• Algebra Asas<br>• *Penyelesaian Masalah* | Komponen kekal. |
| **Bahasa Malaysia** | • Bacaan & Pemahaman<br>• Tatabahasa & Prosa kata<br>• Ejaan<br>• Perbendaharaan kata<br>• Pembetulan kesalahan | Seksyen ini dikeluarkan namun bilangan soalan yang terlibat akan dimasukkan dalam seksyen *English Literacy*. |
| **Bahasa Inggeris** | • Bacaan & Pemahaman<br>• Tatabahasa & Prosa kata<br>• Ejaan<br>• Perbendaharaan kata<br>• Pembetulan kesalahan | Komponen kekal dengan pertambahan bilangan soalan selari dengan bilangan soalan yang dikeluarkan dari seksyen *Bahasa Malaysia Literacy*. |
| **Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis** | • Penaakulan Logik<br>• Kemahiran Pengelasan<br>• Pengecaman Pola | Komponen kekal namun soalan sedia ada dalam konteks Malaysia disesuaikan dalam konteks global. |

**NOTA:** Sila rujuk **Lampiran A1**-FORMAT PORTFOLIO T3-T7.

## 4.5 Keputusan Penilaian Dan Pengeluaran Sijil Perakuan APEL

Keputusan keseluruhan pemohon akan dikeluarkan oleh PLACe, UNIMAS setelah diluluskan SENAT. Pemakluman keputusan keseluruhan akan dibuat melalui Modul APEL.A dan email notifikasi kepada pemohon. Sijil Perakuan APEL dikeluarkan oleh MQA. Keputusan penilaian keseluruhan tertakluk kepada keputusan pengeluaran Sijil APEL.A oleh MQA.

## 4.6 Pasca-Penilaian

PLACe akan mewujudkan sistem pengendalian rayuan yang munasabah dan praktikal.

Pemohon yang telah **gagal Ujian Aptitud** boleh membuat **rayuan untuk semakan keputusan** atau **memohon menduduki semula ujian aptitud** tertakluk kepada jumlah **maksimum 3 kali percubaan**. Sekiranya **masih gagal selepas 3 kali percubaan, pemohon perlu menunggu minimum 6 bulan** sebelum mencuba lagi. Pemohon akan dikenakan fi/yuran untuk setiap **Ulangan Ujian Aptitud** (rujuk carta alir Rajah 4.1 hingga Rajah 4.4 serta Bahagian 5 untuk kadar fi/yuran yang ditetapkan).

Bagi pemohon yang **gagal penilaian Portfolio**, boleh membuat **rayuan untuk semakan keputusan** atau **memohon penilaian semula.** Walaubagaimanapun mereka hanya dibenarkan untuk **menghantar portfolio untuk dinilai semula selepas sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh surat makluman keputusan penilaian APEL**. Fi akan dikenakan bagi setiap **Penghantaran Semula Portfolio**.

PLACe akan melantik penilai baharu untuk menilai merit permohonan rayuan dalam tempoh 2 minggu. Keputusan rayuan akan dimaklumkan kepada calon APEL.A selepas menerima laporan rayuan daripada penilai. Keputusan adalah muktamad. Penilai Rayuan adalah pakar subjek/bidang berdasarkan bidang kepakaran dan mempunyai kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada tahap penilaian yang dibuat.

Rajah 4.10 merupakan carta alir bagi proses Rayuan/Semakan Keputusan APEL.A.




**Rajah 4.10** Carta alir proses Rayuan/Semakan Keputusan APEL.A.

## 5. KADAR BAYARAN PENILAIAN APEL T-3 (SIJIL), T-4 (DIPLOMA), T-6 (IJAZAH SARJANA MUDA) DAN APEL T-7 (IJAZAH SARJANA)

5.1 Kadar bayaran yang ditetapkan oleh MQA

| Jenis Penilaian | Warganegara | | | |
|---|---|---|---|---|
| | APEL T-3 (RM) | APEL T-4 (RM) | APEL T-6 (RM) | APEL T-7 (RM) |
| Pengurusan Bahan Penilaian | 155 | 155 | 15 | 15* |
| Ujian Aptitud | | | 155 | 200 |
| Portfolio | | | 80 | 80* |
| Temuduga | - | - | - | 75* |
| **Jumlah** | **155** | **155** | **250** | **370** |

| Jenis Penilaian | Bukan Warganegara) | |
|---|---|---|
| | APEL T-6 | APEL T-7 |
| Pengurusan Bahan Penilaian | USD 500 | USD 750 |
| Ujian Aptitud | | |
| Portfolio | | |
| Temuduga | - | |
| **Jumlah** | **USD 500** | **USD 750** |

*__NOTA:__ Calon APEL T-7 yang gagal penilaian salah satu komponen portfolio atau temuduga perlu membuat ulangan bagi kedua-dua penilaian portfolio dan temuduga. Caj bagi **penilaian ulangan* portfolio dan temuduga** yang akan dikenakan berjumlah **RM170**.

5.2 Caj pengeluaran sijil bagi calon APEL.A T-3, T-4, T-6 dan T-7

| Perkara | Caj Penilaian (Warganegara) | Caj Penilaian (Bukan Warganegara) |
|---|---|---|
| Caj pengeluaran sijil | RM20.00 | USD40.00 |
| Caj sijil ganti | RM50.00 | USD100.00 |
| Caj penghantaran sijil* | RM15.00 | USD30.00 |

*__NOTA:__ Sekiranya terdapat keperluan untuk menghantar sijil APEL ke alamat di luar negara, caj pengeposan luar negara semasa akan terpakai.

## 6 Panel Penilai dan Moderator

Fakulti akan melantik panel penilai dan moderator di kalangan staf akademik fakulti yang berkelayakan. Secara amnya, pemilihan panel penilai dan moderator dilaksanakan dengan mengambil kira jenis bidang kepakaran, tahap kelayakan serta tempoh pengalaman panel penilai dan moderator. Tempoh lantikan panel pakar adalah satu tahun dan perlu diperbaharui. Cadangan penambahan ahli panel penilai akan dibuat setiap tahun berdasarkan keperluan dan jumlah permohonan calon APEL.A.

6.1 Kriteria Penilai Instrumen (Pakar subjek/bidang) dan Moderator:

- Mempunyai kelayakan akademik yang berkaitan sekurang-kurangnya pada satu tahap yang lebih tinggi daripada penilaian yang dibuat.
- Menonjolkan sikap reseptif terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan kaedah alternatif lain daripada mod penilaian tradisi dan formal.
- Telah menghadiri latihan/bengkel berkaitan dengan APEL.A
- Mahir dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- Kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik.

6.2 Peranan Penilai Instrumen (Pakar subjek/bidang) dan Moderator

- Tanggungjawab Penilai Instrumen (Pakar subjek/bidang):
    - Melaksanakan, menilai dan melaporkan keputusan portfolio atau sesi temuduga calon APEL.A. Penilai hendaklah mengkaji serta mempertimbangkan tahap pengalaman berdasarkan bukti yang diberi oleh pemohon. Penilai yang dilantik juga hendaklah bersifat terbuka terhadap penilaian pembelajaran melalui pengalaman;
    - Bertanggungjawab untuk mematuhi etika akademik bagi menjamin keselamatan dan kerahsian dokumen penilaian;
    - Perlu menyediakan laporan penilaian secara bertulis berdasarkan rubrik pemarkahan yang disediakan; dan
    - Menghadiri program berkaitan pembangunan dan penilaian APEL.A yang dianjurkan oleh PLACe atau MQA dari semasa ke semasa.
- Tanggungjawab Moderator:
    - Menyemak serta menilai kesesuaian set-set Ujian Aptitud yang dibangunkan mengikut tahap kompetensi serta format mengikut borang moderasi yang disediakan.
    - Mengadakan moderasi soalan dan pemarkahan bagi setiap sesi penilaian APEL.A

Rajah 6.1 menunjukkan proses kerja pembangunan bank soalan Ujian Aptitud. Pengubal soalan bertanggungjawab dalam menyediakan set soalan Ujian Aptitud mengikut tahap kompetensi, manakala moderator berperanan untuk menyemak kesesuaian soalan mengikut tahap kompetensi serta format mengikut borang moderasi yang disediakan. Manakala Rajah 6.2 merupakan proses semakan penilaian dan pengesahan keputusan APEL.A.




**Rajah 6.1** Carta alir proses pembangunan bank soalan untuk Ujian Aptitud




**Rajah 6.2** Proses Semakan dan Pengesahan Keputusan

## 7. Kemasukan Calon Lulusan Sijil APEL.A ke Program Akademik UNIMAS

Calon lulusan sijil APEL.A adalah layak dipertimbangkan untuk kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6) dan program Ijazah Sarjana (APEL T-7) yang ditawarkan di UNIMAS. Permohonan boleh dimajukan ke:

(a) Bahagian Pengajian Prasiswazah (BPPs) - Program Ijazah Sarjana Muda
(b) Pusat Pengajian Siswazah (PPS) - Program Ijazah Sarjana Secara Kerja Kursus.

Permohonan seterusnya dimajukan ke fakulti bagi tujuan semakkan kesesuaian pemohon dengan program akademik yang ditawarkan dan menghantar keputusan ke BPPs atau CGS untuk tindakan selanjutnya. Rajah 7.1 merupakan carta alir proses permohonan calon lulusan APEL.A ke program akademik UNIMAS.




**Rajah 7.1** Proses kerja permohonan ke program akademik UNIMAS

## 8. Kemasukan Pelajar ke Program Akademik melalui Badan Profesional

**Senarai Badan Professional yang Menerima Kemasukan Pelajar Melalui Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiantial Learning*)**

Sepertimana yang telah digariskan di dalam buku *Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning* perkara 4.1 Kriteria Kemasukan menyatakan bahawa '**Bagi program professional, keperluan kemasukan mesti mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh badan profesuinal yang berkenaan**'. MQA telah mendapatkan maklum balas daripada badan profesional mengenai perkara ini.

Jadual 6.1 disenaraikan maklumat badan profesional yang membenarkan kemasukan pelajar ke program di bawah badan profesional melalui APEL.A.

**Jadual 6.1** Maklumat Badan Profesional

| Bil. | Nama Badan Profesional | Tahap APEL.A yang Boleh Memohon ke Program di Bawah Badan Profesional | Syarat Tambahan | No. Rujukan & Tarikh Surat Badan Profesional |
|---|---|---|---|---|
| 1. | MBOT LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGISTS | APEL.A Tahap 3 (Sijil)<br>APEL.A Tahap 4 (Diploma)<br>APEL.A Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda) | Mematuhi syarat minimum seperti yang digariskan di dalam TTAC Manual 2019.<br><br>TTAC Manual 2019 boleh didapati di laman sesawang MBOT melalui pautan https://www.mbot.org.my/ | MBOT.600-8/1/3(3)<br>15 Nov 2019 |
| 2. | LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA | APEL.A Tahap 4 (Diploma)<br>APEL.A Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda) | Calon yang memohon untuk kemasukan ke program Kejuruteraan melalui APEL.A mestilah menunjukkan pencapaian yang sesuai dalam kelayakan Matematik dan Sains Fizikal melalui bridging module yang sesuai. | BEM/GOV (EAC) Jld. 5 (1)<br>4 Sep 2020 |
| 3. | LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA | APEL.A Tahap 4 (Diploma) | • Lulus penilaian APEL.A MQA (ujian aptitude & penilaian portfolio);<br>• Berumur tidak kurang daripada 20 tahun pada tahun permohonan;<br>• Pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 5 tahun; dan<br>• Lulus temu duga peringkat fakulti. | LBPM/008<br>4 Sep 2020 |
| | | APEL.A Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda) | • Memenuhi Syarat Am Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) ATAU lulus penilaian APEL.A MQA;<br>• Lulus Bahasa Inggeris dalam SPM atau yang setara;<br>• Mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman bekerja di dalam bidang yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa; dan<br>• Tidak rabun warna. | |

# 9. POLISI UNIVERSITI

## 9.1 Polisi Dasar Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu

- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) secara rasmi mengiktiraf pembelajaran terdahulu daripada konteks *formal*, *informal* and *non-formal* untuk kemasukan di institusi pengajian tinggi melalui APEL.A. PLACe ialah pusat sehenti yang berdedikasi dalam menguruskan proses permohonan penilaian APEL.A. dan penyelarasan antara pelajar dan pengurusan di UNIMAS.
- Sebagai pengiktirafan APEL.A, UNIMAS akan memastikan sistem pentadbiran dan sokongan sepanjang proses penilaian, sebelum, semasa dan pasca sentiasa dipatuhi. Pelajar akan dimaklumkan tentang prosedur serta hasil penilaian serta proses APEL.A.
- UNIMAS akan memastikan bahawa proses jaminan kualiti disediakan untuk mengekalkan ketelusan, integriti dan kesaksamaan proses, aplikasi, penilaian, pelaporan dan sistem pentadbiran APEL.A.
- Program di bawah badan profesional adalah tertakluk kepada penerimaan dan kelulusan oleh badan berkaitan mengenai penerimaan kemasukan melalui APEL.A.

  Yuran pemprosesan perlu dibayar selepas permohonan diterima dan tidak akan dikembalikan.

## 9.2 Polisi Penilaian

- Semua penilai dan moderator yang dilantik termasuk kakitangan pentadbiran PLACe yang terlibat dalam pengurusan APEL.A akan dimaklumkan secara menyeluruh tentang proses yang terlibat melalui aktiviti pembangunan staf seperti bengkel dan seminar.
- Prosedur pentaksiran APEL.A harus mencerminkan integriti dan standard akademik melalui pendekatan yang konsisten, boleh dipercayai dan sesuai untuk memastikan penilaian dijalankan dengan baik, berdasarkan beberapa kriteria yang dinyatakan di bawah:
  - Kesahan dan kebolehpercayaan – Penilaian adalah sah dan sesuai dengan tujuan. Penilaian mengukur apa yang ingin diukur dan hasilnya adalah sesuai dan tepat.
  - Beretika dan adil – proses penilaian menggalakkan kesaksamaan dan keadilan kepada semua pelajar dan menyediakan bantuan dan sokongan dari segi memberi nasihat dan maklumat prosedur serta keperluan penilaian. Ia juga akan memberi pelajar peluang yang adil untuk menunjukkan bukti pembelajaran pengalaman terdahulu mereka dari segi kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh.
  - Kredibiliti – Prosedur penilaian disokong oleh prosedur pentadbiran yang boleh dipercayai dan berkesan. Semua instrumen pentaksiran direka bentuk oleh pakar mata pelajaran untuk kursus yang dipohon dan penjagaan diambil untuk memastikan keselamatan instrumen dan keputusan pentaksiran berdasarkan prosedur jaminan kualiti sedia ada.
  - Calon mesti mencapai markah minimum bagi setiap elemen seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 4.3 untuk penilaian APEL.A.

## 9.3 Polisi Jaminan Kualiti

- Kualiti keseluruhan proses APEL.A akan sentiasa dipantau oleh PLACe dan dilaporkan dengan sewajarnya kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) berdasarkan prosedur dan piawaian yang dikeluarkan oleh UNIMAS dan *Malaysian Qualification Framework* di Kementerian Pengajian Tinggi.
- Moderator yang dilantik oleh PLACe merupakan mereka yang tidak terlibat secara langsung dalam menetapkan item penilaian serta bertanggungjawab untuk menyemak set-set penilaian mengikut tahap kompetensi dan memastikan kebolehpercayaan keputusan penilaian.
